

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai **kriteria khusus kelulusan pendidikan** dalam menentukan pemilihan juruhebah radio swasta memandangkan mutu penyampaian segelintir mereka yang tidak membawa kepada pembinaan minda yang positif dan terpelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengawal selia media yang dimiliki oleh pemegang lesen di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) televisyen serta juga radio.
2. Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan) di bawah akta ini turut menetapkan garis panduan dan tatacara bagi amalan dan piawai kandungan yang baik secara kawalan sendiri atau *self regulation* oleh pemberi-pemberi perkhidmatan industri komunikasi dan multimedia di Malaysia.
3. Peruntukan Kod Kandungan antara lain menghendaki para pemegang lesen untuk tidak menyiarkan kandungan yang boleh menyentuh sensitiviti dan sentimen mana-mana kaum atau agama di negara ini, tidak menyiarkan kandungan yang mengandungi nilai-nilai moral dan budaya yang bertentangan dengan aspirasi kebangsaan negara.
4. Penyiar juga bertanggungjawab terhadap kebolehterimaan bahan-bahan yang disiarkan dan harus memastikan bahawa semua kandungan yang disiarkan mempunyai unsur yang baik dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang diterima pakai, serta pelaporan kandungan tersebut perlu dibuat secara tepat, seimbang dan objektif, dengan memberi pertimbangan utama kepada keadilan dan keutuhan dalam mengawal isi kandungan.
5. Sebagai contoh, Astro Radio Sdn Bhd mempunyai kriteria yang khusus dalam pemilihan juruhebah radio ataupun penyampai radio bagi memastikan kandungan yang disampaikan menarik, terkini, sesuai dengan citarasa pendengar di samping mematuhi kehendak peraturan kandungan.

6. Salah satu kriteria tersebut adalah latar belakang pendidikan mereka. – sekurang-kurangnya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tetapi, ia bukanlah faktor utama pemilihan kerana selain dari kelayakan akademik, kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik, imej yang baik/positif terutamanya dikalangan orang awam menjadi faktor dalam pemilihan mereka sebagai penyampai radio untuk menarik perhatian pendengar.

7. Penyampai radio tersebut telah didedahkan dengan dengan pematuhan kandungan dimana mereka wajib menyertai latihan pematuhan setiap tahun. Modul latihan tersebut adalah berdasarkan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia dan mereka juga diingatkan supaya peka terhadap kandungan sensitif yang melibatkan 3Rs (Race, Religion, Royalty). Justeru, mereka sentiasa peka terhadap kandungan yang perlu disampaikan dan mengelak dari kandungan yang bertentangan dengan peraturan.

8. Untuk pengetahuan Yang Amat Behormat, tugas penyampai radio di stesen bukan hanya terbatas pada pengendalian program radio pada waktu penyiaran sahaja, malahan mereka juga terlibat dalam kerja penerbitan belakang tabir. Ini bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran dalam melakukan penyelidikan untuk sebuah kandungan, penulisan skrip dan semangat kerjasama dalam memberikan idea kepada pasukan penerbitan. Secara dasarnya, penyampai radio dilatih untuk mengendalikan setiap aspek dalam penerbitan sebuah program radio.

9. Budaya kerja stesen radio adalah pantas dan sentiasa berlaku perubahan yang drastik sejajar dengan perkembangan isu semasa. Oleh sebab itu stesen radio juga menekankan aspek sikap peribadi yang positif bagi mencerminkan imej stesen radio yang berkaitan.